

## Menjejaki Alat Muzik Tradisional: Alat Muzik Rebab

Noor Hani Hasanah Fawzia Hamzah  
Nor Firzamilia Mohd Razait  
Mohd Nazir Ahmad  
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, PuncakPerdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak

*Rebab adalah salah satu alat muzik tradisional yang sudah dilupakan ramai terutama anak muda pada masa kini. Alat muzik rebab ini adalah alat muzik yang paling lama dan tertua di Malaysia. Alat muzik ini biasanya dimainkan semasa persembahan main puteri, makyong dan juga selampit. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk mengetahui sejarah dan latar belakang alat muzik rebab. Tambahan itu, terdapat beberapa fakta tentang asal usul muzik tradisional yang harus diketahui. Dapatan kajian ini adalah hasil daripada temubual sejarah lisan bersama Encik Muhd Noor Bin Arifin yang merupakan seorang yang mencintai alat muzik tradisional dan menceburi diri dalam kesenian sepenuh masa dan juga salah seorang daripada ahli anggota kumpulan iaitu kumpulan Seri Seneng di kampung beliau.*

Kata Kunci: Rebab, Makyong, Main Puteri, Tarik Selampit, Seri Seneng

### Pengenalan

Alat muzik rebab adalah sebuah alat muzik tradisional yang paling lama dan tertua di negara Malaysia. Alat muzik rebab ini amat penting dan mempunyai fungsi yang utama sebagai alat muzik dalam persembahan tarik selampit, main puteri dan juga makyong. Masyarakat Malaysia masa kini terutama anak muda yang moden sudah tidak mengenal apa itu rebab kerana kini mereka hanya mengenali dan sering bermain dengan alat muzik seperti biola dan juga gitar. Menurut Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (2018)

menyatakan rebab merupakan alat muzik yang paling tertua di dalam sejarah permainan muzik tradisi Melayu. Rebab juga telah dikenali dengan nama anak Umbang.

Proses bagi mendapatkan maklumat mengenai alat muzik rebab, perkara utama yang harus diketahui adalah tentang erti alat muzik rebab. Ianya harus difahami terlebih dahulu barulah diikuti dengan lebih mendalam tentang alat muzik rebab ini. Sebagaimana yang kita ketahui, rebab termasuk dalam salah satu antara alat muzik tradisional Melayu. Di Malaysia, terdapat dua jenis rebab iaitu rebab bertali tiga dan juga rebab bertali dua. Tapi pada zaman kini, banyak yang menggunakan rebab bertali tiga berbanding bertali dua.

Berpandukan kepada Zapri (2015), rebab merupakan sejenis alat muzik kebudayaan yang wujud hasil daripada idea kreatif masyarakat Melayu. Alat muzik kebudayaan ini juga berperanan dalam menghasilkan melodi yang dapat digunakan untuk mengiringi seni persembahan yang memiliki pelbagai fungsi dalam sebuah masyarakat. Antara alat muzik dalam seni persembahan Melayu yang masih wujud dan digunakan sehingga kini ialah rebab bertali tiga, iaitu sejenis alat muzik dalam permainan makyong, main puteri, dan tarik selampit. Muzik tradisional penting untuk digunakan sebagai lambang budaya bagi tujuan hiburan dan mengiringi upacara serta adat tertentu.



Rebab

### **Sejarah Perkembangan Alat Muzik Rebab**

Rebab merupakan alat muzik tradisional yang tertua bagi masyarakat Melayu yang telah dimainkan dalam persembahan makyong, main puteri dan tarik selampit. Asal usul rebab adalah dari Timur Tengah kemudian ke Persia dan India dan selepas itu sampai ke kepulauan Nusantara ini. Alat muzik rebab ini pada awalnya merupakan alat muzik yang datang dari luar, namun dalam permainannya alat muzik ini memiliki warna dan bentuk yang tersendiri berbeza dengan permainan muzik dari negara asalnya yang hanya memiliki satu warna. Perkataan rebab pada orang Arab adalah dipanggil sebagai "Rabab" dan telah disempurnakan dengan alat gesek. Melalui pusat Khalifah Islam di Cordova (Sepanyol) diabad ke 8 Masihi, ia telah disebarkan ke Eropah Barat dalam bentuk cello dan kemudian diubah kepada bentuk biola seperti sekarang. Dengan melalui Turki dan Asia Tengah, ia telah masuk ke Persia, India dan juga Tiongkok, kemudian barulah ke Asia Tenggara ini. Di Afghanistan ia disebut "Rubab", tetapi didalam bahasa Persia ia pula disebut "Rabab" yang bererti kumpulan alat-alat muzik gesek.

Berpandukan kepada Che Mat Jusoh (2015), dalam usaha untuk mengekalkan muzik tradisional ini amatlah penting sebagai satu warisan dan identiti bangsa. Ianya juga terdapat falsafah yang tersembunyi disebalik permainan tradisional yang tidak dapat difahami orang ramai. Sebagai contoh, sebelum persembahan dalam bermain wayang kulit terdapat sebatang pohon beringin yang telah mempunyai lukisan dan menceritakan perkara tentang dunia dan juga isinya.

Menurut Muhd Noor Arifin (2018), beliau telah menceritakan bahawa asal usul rebab adalah di zaman Jahiliah lagi. Kisahnya telah bermula daripada dua orang adik beradik yang telah terpisah lama, kemudian abangnya itu telah tidur dan telah mendengar satu suara yang menyatakan bahawa jika dia ingin berjumpa dengan adiknya dia hendaklah menciptakan satu alat yang mengeluarkan bunyi. Oleh itu, abangnya telah mencipta satu alat yang berbentuk seperti rebab tetapi pada masa itu alat muzik tersebut masih tidak mempunyai nama dan dia telah bermain alat muzik tersebut. Secara kebetulan, adiknya balik pada masa itu dan mereka berjumpa antara satu sama lain.

Muhd Noor Arifin juga ada menceritakan kenapa rebab diberi nama rebab iaitu kerana terdapat dua orang berbangsa Cina, yang seorang bernama Re iaitu pembuat lagu dan seorang lagi bernama Bab yang merupakan seorang penyanyi. Dengan gabungan dua nama daripada pembuat lagu dan seorang penyanyi, maka terhasillah alat muzik yang bernama 'Rebab'.

### **Peranan Alat Muzik Rebab**

Menurut Azhar (2018), alat muzik tradisional Melayu merupakan medium warisan yang telah digunakan sebagai sebuah alat komunikasi tradisi di Malaysia. Proses komunikasi bukan sahaja wujud secara lisan malah juga secara bukan lisan. Ianya bukan sahaja akan melibatkan manusia, malah peralatan dan teknologi yang telah digunakan juga terlibat sama. Alat muzik tradisional Melayu juga merupakan alat dan teknologi media yang telah berperanan penting. Alat muzik tradisional Melayu yang telah digunakan dalam proses komunikasi tradisi di Malaysia adalah serunai, gendang, rebana dan rebab.

Masyarakat Melayu Malaysia mempunyai pelbagai kesenian tradisional yang unik dan kreatif. Kesemua kesenian bukan sahaja berfungsi sebagai persembahan dan dalam upacara adat, malah juga berfungsi sebagai alat komunikasi tradisional. Penggunaan muzik tradisional Melayu sebagai media warisan amat penting dalam proses komunikasi tradisional bukan hanya melibatkan manusia sahaja, tetapi peralatan juga membantu dalam proses tersebut.

Muhd Noor Arifin (2018) menerangkan bahawa alat muzik rebab ini memainkan peranan penting dalam persembahan makyong, main puteri dan tarik selampit. Jika tiadanya alat muzik rebab ini, maka tidak lengkaplah persembahan yang akan diadakan itu kerana alat muzik rebab yang akan memulakan dan memainkan peranan dalam persembahan tersebut.

### **Cara pembuatan alat muzik rebab**

Berpandukan kepada Siti Rohana (2018), tidak dinafikan bahawa alat muzik tradisional sukar untuk dihasilkan kerana ia memerlukan ketelitian bagi aspek penghasilan bunyi dan suara. Rebab berkemungkinan mengambil masa selama sembilan hari untuk disiapkan bergantung kepada ukiran yang diinginkan oleh pelanggan. Menggunakan kayu nangka, sena dan cengal untuk membuat serunai dan rebab dan semua jenis kayu itu kebanyakannya boleh diperolehi daripada pembekal dari Kuala Krai. Bahagian memanjang rebab diperbuat daripada kayu nangka, manakala pada bahagian tubuh pula berbentuk bulat diperbuat daripada kayu yang berongga ditutup dengan kulit lembu yang dikeringkan. Fungsi kulit lembu tersebut adalah bagi mengeraskan suara rebab tersebut. Bentuk alat muzik rebab ini adalah sama seperti biola dan juga gitar. Pada bahagian utama rebab iaitu dipanggil badan, terdapat tangkai yang panjang serta dua pemuntal. Dua pemuntal ini telah berfungsi sebagai menegangkan tali dan pemuntal tersebut boleh diubah sekiranya ia longgar. Alat muzik ini cukup unik kerana dengan penghasilannya menggunakan pelbagai jenis kayu. Kayu yang digunakan adalah seperti kayu tembusu, kayu nangka, kayu sena, dan kayu belimbing. Keunikan rebab dapat dilihat daripada ukiran pada bahagian atas rebab yang dipanggil kepala yang menyerupai mahkota. Rebab boleh diukir berdasarkan kreativiti seseorang bagi mencantikkan untuk menarik perhatian orang ramai. Pembuatnya juga perlu patuh akan pantang larang yang telah ditetapkan oleh pembuat rebab pada zaman dahulu jika ingin membuat rebab yang berkualiti. Pembuat rebab tidak dibenarkan memotong kayu pada waktu maghrib atau waktu tengah hari dan tidak boleh menebang pokok secara songsang. Kayu yang telah ditebang tidak boleh dilangkah. Anggaran harga rebab adalah diantara Rm700 hingga RM1000 (Riau Berbagi, 2018). Mohd Noor Arifin (2018) menyatakan bahawa kebanyakan rebab juga boleh diperolehi di kedai alat muzik.

### **Cara bermain alat muzik rebab**

Cara bermain alat muzik rebab ialah dimulai dengan tarian menghadap rebab supaya ianya dapat membuat persembahan dengan baik. Pemain rebab akan menggesek rebab menggunakan kayu penggesek

bermula dari arah kiri ke kanan. Tali gesek tersebut akan bersentuh dengan tali rebab yang dipasang dengan pacat untuk menahan tali rebab. Apabila tali rebab tersebut telah terkena gesekan, getaran pada talinya akan bersambung ke kulit muka melalui pacat tadi. Kulit muka yang sudah terpasang pada tempurung rebab tersebut akan menjadi sebuah resonator atau alat penggema bunyi untuk melahirkan bunyi yang lebih kuat. Kulit muka rebab tersebut telah diperbuat daripada kulit lembu yang telah dikeringkan untuk penghasilan gema bunyi. Seseorang pemain rebab mestilah duduk secara bersila dan meletakkan rebab di hadapannya untuk bermain alat muzik rebab ini.

### **Kesimpulan**

Sebagai salah satu alat muzik tradisional, rebab tidak harus dilupakan begitu sahaja oleh masyarakat pada masa kini. Hal ini kerana, ia merupakan alat muzik tradisional yang paling bernilai kerana paling lama dan tertua di Malaysia. Anak muda pada masa kini hanya lebih mementingkan alat muzik yang moden seperti gitar dan biola. Mereka tidak pernah ingin mengambil tahu tentang alat muzik tradisional, ini akan menyebabkan alat muzik tradisional dilupakan begitu sahaja.

Malaysia mempunyai pelbagai jenis dan bentuk alat-alat muzik yang sering digunakan untuk dimainkan di persembahan teater tradisi Melayu seperti wayang kulit, makyong, main puteri dan sebagainya. Alat-alat utama seperti gendang, rebab, gambus dan serunai, secara mutlaknya adalah milik masyarakat Melayu di mana ianya telah diwarisi dan dicipta oleh orang Melayu sejak turun temurun.

**Rujukan**

- Azhar Abdul Latif. (2018). Peranan Alat Muzik Tradisional Melayu Dalam Proses Komunikasi. Retrieved from <https://www.scribd.com/doc/16741693/PERANAN-ALAT-MUZIK-TRADISIONAL-MELAYU-DALAM>
- Mohd Noor Arifin, temubual, November 11, 2018
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. (2018). Memori. Retrieved from [http://www.memorikedah.com/page\\_pengenalan.php?p=2&idstopic=10&idskandungan=69&id=371&mtopic=1](http://www.memorikedah.com/page_pengenalan.php?p=2&idstopic=10&idskandungan=69&id=371&mtopic=1)
- Riau Berbagi. (2018). Alat Muzik Tradisional Rebab Khas Riau. Retrieved from <http://riauberbagi.blogspot.com/2015/11/alat-msuik-rebab-dari-riau.html>
- Siti Rohana Idris. (2018, Ogos 25). Penjaja Merdu. Metro Online. Retrieved from <http://www2.hmetro.com.my/mutakhir/2018/08/371197/penjaja-merdu>
- USM News Portal. (2015). Che Mat Jusoh Raja Rebab-Berjuang Pertahan Muzik Tradisional Melayu. Retrieved from <https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/412-che-mat-jusoh-raja-rebab-berjuang-pertahan-muzik-tradisional-melayu>
- Zapri Mat Zain. (2015). Pengenalan Asas Rebab Kelantan. Retrieved from <http://ir.upsi.edu.my/2093/1/PENGENALAN%20ASAS%20REBAB%20KELANTAN.pdf>